

27/05/2000

Naib Ketua Pemuda Keadilan Kedah sertai Umno

ALOR STAR, Jumaat - Naib Ketua Pemuda Keadilan Kedah, Zuraidi Rahim bersama 14 pemimpin pergerakan pemuda bahagian dan cawangan keluar daripada parti pembangkang itu dan menyertai Umno.

Zuraidi yang juga Exco Pemuda Keadilan pusat, bersama kumpulan itu menemui Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejurus ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Zuraidi enggan menyatakan nama 14 yang lain dengan memberikan alasan sebagai langkah keselamatan.

"Atas sebab-sebab keselamatan, pada masa ini kita tidak boleh mendedahkan nama mereka yang lain," katanya dalam sidang akhbar selepas pertemuan dengan Perdana Menteri yang tiba untuk lawatan sehari ke kawasan parlimen Kubang Pasu.

Zuraidi, 29, yang juga Ketua Pemuda Keadilan bahagian Langkawi memberikan alasan hilang kepercayaan terhadap Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor sebagai faktor utama beliau dan pemimpin lain meninggalkan parti itu.

Selain itu, menurutnya, kumpulan itu juga tidak yakin lagi dengan perjuangan Keadilan dan berpendapat Umno adalah parti tunggal yang mampu memperjuangkan nasib bangsa Melayu.

Zuraidi juga adalah bekas pegawai khas Datuk Nasaruddin Abdul Jalil ketika menjadi Setiausaha Sulit Kanan Anwar dan pernah menjadi Ketua Pemuda Umno cawangan Padang Serai, Kedah.

Beliau yang mendakwa sangat rapat dengan Mohd Ezam dan pernah beberapa bulan bersamanya di Indonesia selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim ditangkap pada September 1998, menerima maklumat berhubung peribadi dan kegiatan politik Mohd Ezam.

"Saya yakin 100 peratus maklumat yang diperolehi daripada seorang yang sangat rapat dengan Ezam itu. Berikutan itu, saya telah hilang kepercayaan terhadapnya dan mengambil keputusan meninggalkan Keadilan," katanya.

Beliau juga berkata, dengan kemasukan semula kumpulan berkenaan dalam Umno, lebih ramai ahli Keadilan akan keluar daripada parti itu, khususnya di Kedah.

Berikutan itu Perdana Menteri berkata ramai yang ingin keluar daripada parti itu selepas kecewa dan berasa tertipu oleh pemimpinnya.

"Mereka sudah mendengar penjelasan yang dibuat oleh ahli Umno dan mereka sekarang percaya kepada kebenaran.

"Sebab itu saya kata jangan masuk Umno melainkan kerana yakin bahawa Umno di pihak yang benar. Kita tak mahu orang masuk Umno kerana kepentingan lain. Tapi masuk Umno kerana perjuangan Umno memang perjuangan yang baik yang berasas kepada kebenaran," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Pemimpin Bersama Rakyat, di Jitra.

Mengenai sama ada perkembangan terbaru ini akan memberikan kesan buruk atau bakal melumpuhkan Keadilan, Dr Mahathir berkata beliau tidak pasti sama ada parti itu akan lumpuh atau sebaliknya.

"Tetapi saya dapat maklumat, ramai daripada mereka yang kecewa dan berasa mereka tertipu dan mungkin mereka ingin keluar daripada Keadilan," katanya.

(END)